

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA 2019

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HJ. MUKHRIZ B. TUN MAHATHIR
[JERLUN]

SOALAN

Dato' Seri Hj. Mukhriz B. Tun Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Mohon nyatakan:

- (a) Jumlah pelaburan dan kategori industri mengikut negeri dan industri atau bidang yang diberikan keutamaan; dan
- (b) Insentif baharu untuk pelaburan di negeri-negeri dalam Koridor Ekonomi Wilayah Utara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited mempergiatkan usaha untuk terus menarik pelaburan berkualiti tinggi. Ini termasuklah dalam industri berteknologi tinggi, mempunyai nilai ditambah yang tinggi; berintensifkan pengetahuan dan kemahiran; berorientasikan eksport; berintensif modal, reka bentuk dan penyelidikan dan pembangunan serta projek-projek yang melengkapkan ekosistem industri tempatan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan pelaburan yang masuk dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat melalui limpahan aktiviti ekonomi, peluang perniagaan dan pekerjaan bernilai tinggi.

2. Bagi tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah sebanyak RM101.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, pelaburan asing adalah sebanyak RM69 bilion (68 peratus) dan pelaburan domestik pula sebanyak RM32.2 juta (32 peratus). Pelaburan ini melibatkan 826 projek dan dijangka dapat mewujudkan sejumlah 68,442 peluang pekerjaan.

3. Butiran pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 adalah seperti berikut:

- (i) Bagi pelaburan langsung asing mengikut pecahan industri, produk elektronik dan elektrik (E&E) menerajui jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM26.1 bilion; diikuti produk petroleum, termasuk petrokimia (RM18.2 bilion); produk kertas, percetakan dan penerbitan (RM9.6 bilion); kimia dan produk kimia (RM3.3 bilion) dan produk logam asas (RM3.1 bilion). Kesemua lima industri utama ini menyumbang RM60.3 bilion (87 peratus) kepada jumlah pelaburan asing dalam sektor perkilangan;
- (ii) Negara Republik Rakyat China merupakan antara pelabur asing utama dengan sumbangan pelaburan sebanyak RM18.9 bilion

(27.4 peratus), diikuti Amerika Syarikat (RM14.4 bilion atau 21 peratus), Belanda (RM8.6 bilion atau 12.5 peratus), Indonesia (RM8.5 bilion atau 12.3 peratus) dan Jepun (RM5.4 bilion atau 7.8 peratus).

4. Perincian jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan mengikut industri dan negeri serta negara pelabur adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Terdapat sembilan insentif baharu yang ditawarkan oleh Koridor Ekonomi Wilayah Utara yang merangkumi negeri-negeri Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang seperti berikut:

Sektor	Senarai Produk/Aktiviti
Perkilangan	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Green Technology</i> b. <i>Medical Devices</i> c. <i>Automotive</i> d. <i>Additive Manufacturing</i> e. <i>Aerospace</i>
Pertanian dan Bio-Industri	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Sustainable Agriculture</i> b. <i>Processing of Agriculture Product</i> c. <i>Superfoods/Superfruits (Upstream)</i> d. <i>Superfoods/Superfruits (Downstream)</i> e. <i>Green Technology Services</i> f. <i>Halal Industry</i> g. <i>Seed Research & Development (R&D)</i>
Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Medical Tourism</i> b. <i>Hotel Business</i> c. <i>Tourism Projects</i> d. <i>Business Tourism</i>
Logistik	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Approved Logistics Services</i> b. <i>Warehousing</i> c. <i>Freight Forwarding</i> d. <i>Transportation</i>

Sektor	Senarai Produk/Aktiviti
Pendidikan	a. <i>Technical and Vocational Education & Training (TVET)</i> b. <i>Private Institution of Higher Learning (IHL)</i> c. <i>International School</i> d. <i>Private School</i>
Aktiviti R&D	a. <i>Syarikat R&D</i> b. <i>Syarikat R&D Kontrak</i> c. <i>In-House R&D</i>
<i>Kedah Science and Technology Park (KSTP)</i>	
<i>Chuping Valley Industrial Area (CVIA)</i>	
<i>Kedah Rubber City (KRC)</i>	

6. Maklumat lanjut berkaitan insentif-insentif tersebut adalah seperti di **Lampiran 2**.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 2**INSENTIF-INSENTIF BAGI NEGERI-NEGERI DALAM KORIDOR EKONOMI WILAYAH UTARA**

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
1.	Perkilangan Pertanian dan Bio-Industri Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan • Logistik 	1. Pengecualian 100% cukai pendapatan sehingga 10 tahun (5+5); atau Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.	2. Pengecualian 70% cukai pendapatan untuk tempoh sehingga 10 tahun (5+5); atau Elaun 70% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun
		2. Pengecualian duti import ke atas loji dan mesin, peralatan, alat ganti, bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung di dalam aktiviti pengeluaran.	
		3. Pengurangan 50% duti setem ke atas surat cara pindah milik atau pajakan tanah.	Tiada.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
2.	Pendidikan	<p>Pengecualian 70% cukai pendapatan untuk tempoh 5 tahun; atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>	Tiada.
3.	R&D		
	Syarikat R&D	Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.	
	Syarikat R&D Kontrak	<p>Pengecualian 100% cukai pendapatan untuk tempoh 10 tahun (5+5); atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>	<p>Pengecualian 70% cukai pendapatan untuk tempoh 10 tahun (5+5); atau</p> <p>Elaun 70% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
	<i>In-House R&D</i>	Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.	Elaun 50% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.
4.	Kedah Science and Technology Park (KSTP)		
	Pemaju	<p>Pengecualian 70% cukai pendapatan untuk tempoh 5 tahun bagi pendapatan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelupusan sebahagian atau keseluruhan apa-apa hak atau mana-mana tanah/bangunan yang terletak di KSTP; atau • Sewa sebahagiannya atau keseluruhannya tanah/bangunan yang terletak di KSTP. 	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
	<i>KSTP Global Research Centre</i>	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan sehingga 15 tahun (5+5+5); atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun (5+5). Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p> <p>2. Kelulusan ini tidak terpakai bagi pendapatan daripada perkhidmatan <i>Intellectual Property</i>.</p> <p>3. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah.</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
	<i>KSTP Park Manager</i>	1. Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 5 tahun. 2. Kelulusan ini hanya terpakai syarikat pengurus taman perindustrian yang pertama di KSTP.	Tidak berkaitan.
	R&D Perkilangan (Operator)	1. Pengecualian 100% cukai pendapatan ke atas pendapatan statutori sehingga 15 tahun (5+5+5); atau Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh sehingga 10 tahun (5+5). Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun. 2. Pengurangan 50% duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah/bangunan	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
		<p>3. Pengecualian duti import ke atas loji dan mesin, peralatan, alat ganti, bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung di dalam aktiviti pengeluaran.</p> <p>4. Kelulusan ini tidak terpakai bagi pendapatan daripada perkhidmatan <i>Intellectual Property</i>.</p>	
	Pendidikan	<p>Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 5 tahun; atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>	Tidak berkaitan.
5.	Chuping Valley Industrial Area (CVIA)		
	Pemaju	<p>1. Pengecualian 70% cukai pendapatan untuk tempoh 5 tahun bagi pendapatan berikut:-</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
		<ul style="list-style-type: none"> • Pelupusan sebahagian atau keseluruhan apa-apa hak atau mana-mana tanah/bangunan yang terletak di CVIA; atau • Sewa sebahagiannya atau keseluruhannya tanah/bangunan yang terletak di CVIA. <p>2. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah.</p>	
	<i>CVIA Park Manager</i>	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 5 tahun</p> <p>3. Kelulusan ini hanya terpakai syarikat pengurus taman perindustrian yang pertama di CVIA.</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
	Teknologi Hijau		
	<ul style="list-style-type: none"> • Green Energy Generation 	Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 10 tahun (5+5). Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.	Tidak berkaitan.
	<ul style="list-style-type: none"> • Pengilangan mesin teknologi hijau • Industri Halal • Waste to resource facilities 	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan sehingga 15 tahun (5+5+5); atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 10 tahun (5+5). Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p> <p>2. Pengurangan 50% duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah/bangunan.</p> <p>4. Pengecualian duti import ke atas loji</p>	Tidak berkaitan

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
		<p>dan mesin, peralatan, alat ganti, bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung di dalam aktiviti pengeluaran mengikut dasar semasa.</p> <p>5. Kelulusan ini tidak terpakai bagi pendapatan daripada perkhidmatan <i>Intellectual Property</i>.</p>	
	Pendidikan	<p>Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 5 tahun; atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
6.	Kedah Rubber City (KRC)		
	<i>Catalytic Anchor Tenants</i>	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 10 tahun (5+5); atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.</p> <p>2. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah/bangunan.</p> <p>3. Potongan cukai ke atas perbelanjaan pra-operasi yang dilakukan dalam tempoh 4 tahun sebelum syarikat mula beroperasi.</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
	Perkilangan	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 10 tahun (5+5) dan 50% bagi 5 tahun selepas tamat tempoh galakan; atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.</p> <p>2. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah/bangunan.</p> <p>3. Potongan cukai ke atas perbelanjaan pra-operasi yang dilakukan dalam tempoh 4 tahun sebelum syarikat mula beroperasi.</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
	<i>Main Developer, Residential & Commercial Developer</i>	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 10 tahun (5+5); atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.</p> <p>2. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah/bangunan.</p>	Tidak berkaitan.
	<i>Education, Training & R&D Supplier</i>	<p>1. Pengecualian 100% cukai pendapatan selama 10 tahun (5+5); atau</p> <p>Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada</p>	Tidak berkaitan.

No.	Sektor	Insentif	
		Kedah & Perlis	Perak & Pulau Pinang
		<p>pendapatan berkanun.</p> <p>2. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah/bangunan.</p> <p>3. Potongan cukai ke atas perbelanjaan pra-operasi yang dilakukan dalam tempoh 4 tahun sebelum syarikat mula beroperasi.</p>	

Source: MIDA